

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/01/06 – 06

PENUTUPAN SEMENTARA KAUNTER DUTI SETEM LHDNM CAWANGAN DUTA (PENGGAJIAN) MULAI 6 JANUARI 2021 UNTUK SANITASI

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Kaunter Duti Setem LHDNM Cawangan Duta (Penggajian) akan ditutup sementara mulai 6 Januari 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian bagi memberikan laluan kepada kerja-kerja sanitasi.

Sehubungan dengan itu, dalam tempoh ini pelanggan dinasihatkan untuk melakukan semua urusan percukaian secara dalam talian. Bagi urusan yang segera berkaitan duti setem, para pelanggan juga boleh hadir ke mana-mana kaunter duti setem di cawangan LHDNM yang berhampiran. Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 06 Januari 2021



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 2 daripada 2